

Hasil tangkapan guna bubu naga tidak dibenarkan dijual

sy 28/5/2022 ms. 15

SUNGAI PETANI -

Tindakan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Muda yang tidak membenarkan hasil tangkapan bubu naga diurus niaga di jeti mereka membolehkan masalah tersebut terkawal.

Pengerusi PNK Kuala Muda, Mohamad Kamal Abidin berkata, penggunaan bubu naga yang dikatakan berasal dari negara jiran semakin banyak digunakan sekitar Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 2018 dan 2019.

Beliau yang juga seorang nelayan berkata, penggunaan alatan itu yang sudah diharamkan berikutan ke musnah benih ikan dan mengganggu ekosistem marin, malah sama sekali tidak dipersetujui persatuan dan ahli PNK Kuala Muda.

“Kita telah menerima banyak laporan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berikutan penggunaan alatan tersebut sudah diharamkan di negara ini.



MOHAMAD KAMAL

Malaysia (Maritim Malaysia) juga telah bertindak merampas peralatan itu di laut.

“Keputusan juga dicapai hasil perbincangan di mana PNK Kuala Muda tidak membenarkan nelayan yang menggunakan bubu naga mendarat di Jeti Pendaratan Ikan Pasar Bisik bagi tujuan urus niaga berkuatkuasa pada tahun 2020.

“Kita menasihatkan agar nelayan yang menggunakan bubu naga tidak mendarat di sini. Persatuan akan mengambil tindakan sewajarnya jika ada yang ingkar,” jelasnya.

Mohamad Kamal berkata, penggunaan bubu naga menyebabkan nelayan mendapat hasil tangkapan pelbagai spesies antaranya udang, sotong, ikan dan benih yang masih kecil.

“Cara untuk mengenal nelayan yang menggunakan bubu naga mudah sahaja,

biarpun peralatan ditinggalkan di dasar laut tapi hasil yang diperoleh bercampur-campur termasuk ikan kecil dan besar.

“Hasil tangkapan juga selalunya lebih banyak, kira-kira tiga atau empat kali ganda berbanding biasa menyebabkan pendapatan mereka juga tinggi.

Dalam perkembangan sama, beliau mencadangkan satu pos kawalan laut dibina sebagai lokasi pemantauan dan membanteras kegiatan jenayah maritim di perairan negara.

Menurutnya, dengan adanya penempatan anggota penguat kuasa di pos kawalan tersebut sedikit sebanyak mampu mencegah kegiatan pencerobohan, kecurian hasil laut serta aktiviti larangan di laut.

“Sebelum ini, cadangan itu pernah disuarakan, namun, tiada perkembangan lanjut berhubung perka ra tersebut setakat ini,” katanya.



Bubu naga yang dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berikutan penggunaan alatan tersebut sudah diharamkan di negara ini.